

Tambak pantai untuk industri

14 JAN 1994

KUALA PERLIS 13 Jan. — Kerajaan bersetuju supaya kawasan pantai di Perlis, Kedah melalui Tanjung Dawai hingga ke Pulau Pinang ditebusguna bagi mewujudkan lebih banyak tapak industri di utara Semenanjung.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, manamana pihak swasta yang berminat untuk melaksanakan projek tebusguna itu boleh mengemukakan permohonan kerana tidak ada tempoh tertentu ditetapkan untuk pelaksanaannya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas merasmikan Terminal Feri Jeti Baru berharga RM37.4 juta di sini petang ini.

Katanya, lebih banyak kawasan pesisiran Pantai Barat Semenanjung akan ditebusguna bagi menyediakan tapak perindustrian dan ruang memajukan industri

perancangan di negara ini.

“Pendekatan tersebut diambil oleh kerajaan Pusat memandangkan sebahagian besar pantai di negeri-negeri Pantai Barat Semenanjung berselut dan tidak menarik.

“Atas sebab itulah kerajaan bersetuju supaya lebih banyak kawasan pantai barat Semenanjung ditebusguna supaya ia dapat dijadikan tapak industri ataupun ruang memajukan industri pelancongan,” ujar beliau.

Menurut Perdana Menteri, wujudnya konsep kerjasama Segi Tiga Utara yang melibatkan negeri-negeri utara Semenanjung, wilayah-wilayah di selatan Thailand dan utara Sumatera di Indonesia, memerlukan lebih banyak tapak perindustrian untuk dibangunkan.

“Saya yakin jika projek ini dapat dilaksanakan, sudah pasti keluasan tanah di negara ini akan meningkat di samping

membantu membangunkan sektor ekonomi negara,” ujar beliau.

Sementara itu, semasa berucap pada majlis perasmian tersebut, Perdana Menteri gembira dengan pembangunan yang dicapai di negeri Perlis khususnya bagi kawasan Kuala Perlis sendiri.

Pelabuhan

Menurut beliau, pada asalnya memang diketahuhi bahawa Kuala Perlis adalah sebuah pelabuhan kecil dengan perairan yang cetek dan hanya sesuai untuk bot-bot kecil atau bot-bot nelayan sahaja.

Bagaimana pun, zaman terus beredar dan Kuala Perlis semakin penting dalam pembangunan ekonomi negara terutama apabila berkembangnya Pulau Langkawi di mana Kuala Perlis menjadi salah satu laluan utama kepada para pelancong.

Atas perkembangan ini, sememangnya tidak dina-

fikan Kuala Perlis memerlukan kemudahan lebih baik dan sempurna sesuai dengan penggunaan beribu-ribu pelancong setiap hari yang menaiki feri ke Pulau Langkawi.

Berikutan dari itu, kata Mahathir, kerajaan Pusat bersetuju untuk membantu memajukan Kuala Perlis termasuk menyediakan terminal jeti baru yang dirasmikan pembukaannya hari ini.

Menurutnya, langkah ini diambil atas keyakinan pembangunan di Kuala Perlis juga boleh menolong meningkatkan pendapatan penduduk tempatan melalui perniagaan yang mereka jalankan.

“Kini rakyat sudah dapat lihat dengan jelas pembangunan yang dikeskapi di seluruh negara dari Perlis hingga ke Sabah, walaupun sememangnya pembangunan di Sabah terjejas sedikit,” ujar Perdana Menteri.